

18/07/1998

Mustafa dianugerah Bapa Pembangunan Peladang

BATU PAHAT, Jumaat - Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Mustafa Jabar akan dianugerahkan penghormatan sebagai Bapa Pembangunan Peladang sempena sambutan Hari Peladang pada 6 Ogos ini.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Abdul Rahim Rahmat, berkata keputusan itu dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Beliau berkata, pengiktirafan berkenaan juga mewakili suara semua peladang, pertubuhan peladang kawasan (PPK) dan pertubuhan peladang negeri (PPN) di seluruh negara.

"Beliau adalah pengerusi LPP yang kedua dan paling lama memegang jawatan ini," katanya di Konvensyen Perhubungan Awam sempena Sambutan 25 Tahun LPP peringkat Johor, di sini.

(END)